

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG KAH WOH minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyatakan status penetapan harga siling yang berpatutan bagi:

- (a) vaksin sinovac yang dijual dipasaran; dan
- (b) self test kit bagi saringan ujian COVID 19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Panel Harga Ubat KKM telah bersidang bagi menetapkan harga maksimum Vaksin COVID-19 bagi vaksin Sinovac (jenama CoronaVac) dan vaksin Sinopharm (jenama Covilo). Pengesyoran harga ini sedang diteliti bersama pihak KPDNHEP dan berada di peringkat akhir perbincangan sebelum dikemukakan kepada Jemaah Menteri.
2. Berhubung dengan harga kit ujian sendiri, Kerajaan menerusi kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Kesihatan telah membuat penetapan harga siling bermula pada 5 September yang lalu. Harga siling yang telah diluluskan untuk jualan runcit adalah RM19.90 dan bagi jualan pukal pula adalah sebanyak RM16.00.
3. Pada 21 September 2021, satu perbincangan di antara YB Menteri Kesihatan dan YB Menteri KPDNHEP telah diadakan untuk menurunkan lagi harga jualan ini dalam tempoh masa terdekat. Buat masa ini, pihak KPDNHEP sedang melaksanakan kajian dan mendapatkan pandangan daripada pemegang taruh bagi memastikan harga yang ditetapkan kelak adalah berpatutan.

Sekian, terima kasih.